




KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 3 SEPTEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 3 September 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **22,399 kes** (1,528,672 kes kumulatif, 84.7%);
- Kes baharu : **19,378 kes** (1,805,382 kes kumulatif);
- Kes import : **14 kes** (7 warganegara; 7 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **19,364 kes** [16,782 warganegara (86.7%); 2,582 bukan warganegara (13.3%)];
- Kes aktif : **259,189 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,388 kes** (975 kes COVID-19; 413 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);

- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **762 kes** (463 kes COVID-19; 299 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes kematian : **330 kes** [17,521 kes kumulatif, 0.97%; 268 warganegara, 62 bukan warganegara; 93 kes BID (55 warganegara; 38 bukan warganegara)];
- Jumlah kluster : **4,838 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **34 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **3,362 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,476 kluster**.



KAPASITI & PENGGUNAAN KATIL HOSPITAL COVID-19 (KEMASKINI SEHINGGA 2 SEPTEMBER 2021, 5:00 PM)					BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 3 SEPTEMBER 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)		
NEGERI	Jumlah Katil Bukan ICU	% Penggunaan	Jumlah Katil ICU	% Penggunaan	NEGERI	BILANGAN KES BAHARU	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	4,247	61%	337	99%	SELANGOR	3,613	615,392
WP KUALA LUMPUR	1,626	57%	216	70%	WP KUALA LUMPUR	740	175,283
SABAH	1,884	89%	145	110%	SABAH	2,404	155,006
JOHOR	2,461	101%	108	98%	JOHOR	2,331	145,116
SARAWAK	1,072	75%	120	61%	SARAWAK	2,464	124,428
KEDAH	1,165	92%	104	128%	KEDAH	1,470	104,552
NEGERI SEMBILAN	1,084	30%	88	41%	NEGERI SEMBILAN	270	92,338
PULAU PINANG	829	110%	69	101%	PULAU PINANG	1,726	91,579
KELANTAN	931	93%	77	99%	KELANTAN	1,356	81,633
PERAK	1,054	88%	90	106%	PERAK	1,389	71,371
MELAKA	651	63%	90	87%	MELAKA	399	49,673
PAHANG	734	67%	61	80%	PAHANG	559	46,006
TERENGGANU	491	69%	39	69%	TERENGGANU	532	35,517
WP LABUAN	106	8%	18	0%	WP LABUAN	4	9,821
WP PUTRAJAYA	168	70%	20	80%	WP PUTRAJAYA	41	5,510
PERLIS	185	105%	11	100%	PERLIS	80	2,157
MALAYSIA	18688	76%	1,593	89%	MALAYSIA	19,378	1,805,382

Sumber: CPRC Kebangsaan & CPRC Hospital, KKM

3 September 2021

Untuk makluman, nilai R_T Malaysia secara keseluruhan bagi **dua hari berturut-turut telah mencatatkan bacaan kurang dari 1.0** dan diharapkan ini akan terus menunjukkan penurunan. Ini merupakan petanda positif kerana meskipun lebih banyak sektor ekonomi dan sosial dibuka kebelakangan ini, keadaan kelihatan terkawal dan menunjukkan ianya bertambah baik secara perlahan. Situasi COVID-19 dalam negara diharap terus berkembang baik setara dengan peningkatan kadar vaksinasi di samping pematuhan terhadap SOP dan amalan norma baharu.

Jika dilihat daripada **19,378 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **332 kes (1.7 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **19,046 kes (98.3 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Secara keseluruhan, **8,847 kes (45.7 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada sejarah vaksinasi, **4,638 kes (23.9 peratus)** telah menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin, manakala **5,893 kes (30.4 peratus)** mempunyai sejarah vaksinasi lengkap. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.


STATUS VAKSINASI KES COVID-19 | 3 SEPT 2021

HARIAN MENGIKUT KATEGORI



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19

KATEGORI 5	KATEGORI 4	KATEGORI 3	KATEGORI 2	KATEGORI 1
Kritikal & perlu bantuan pernafasan: Purata jagaan di ICU selama 21 hari	Radang paru-paru & perlu bantuan oksigen: Purata jagaan di ICU selama 14 hari	Radang paru-paru: Memerlukan rawatan dan pemerhatian di hospital	Bergejala ringan	Tidak bergejala



JUMLAH KES HARIAN : 19,378



Sumber : CPRC, KKM

Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian, kluster-kluster baharu, dan nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, 4, dan 5 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah









pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

3 September 2021 @ 6:45 petang.

LAMPIRAN 1

Negeri	Purata Kes 7 Hari *	Kadar Insiden **	Bilangan Kes Baharu () ***	Bilangan Kes Kumulatif
 Selangor	4,232	62.10	3,613 (10)	615,392
 Sabah	2,484	60.41	2,404	155,006
 Sarawak	2,446	83.01	2,464 (2)	124,428
 Johor	2,080	52.27	2,331	145,116
 Kedah	1,909	83.06	1,470	104,552
 Pulau Pinang	1,689	92.48	1,726	91,579
 Kelantan	1,332	66.66	1,356	81,633
 Perak	1,095	61.75	1,389	71,371
 WP Kuala Lumpur	782	40.64	740	175,283
 Pahang	694	26.35	559	46,006
 Terengganu	661	50.12	532	35,517
 Melaka	396	40.72	399 (1)	49,673
 Negeri Sembilan	285	24.27	270 (1)	92,338
 Perlis	66	24.68	80	2,157
 WP Putrajaya	39	40.82	41	5,510
 WP Labuan	3	2.87	4	9,821
 Malaysia	20,193	58.98	19,378 (14)	1,805,382

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)
 **Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk
 ***Kes import

Sumber: CPRC, KKM

Rajah 2 Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri di Malaysia

LAMPIRAN 2

Ringkasan 330 kes kematian pada 3 September 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	148	90	58	113	35	107	94	13	41	19	22	110
Pulau Pinang	38	21	17	37	1	35	34	1	3	3	-	32
Johor	37	17	20	31	6	23	22	1	14	9	5	31
Sabah	35	23	12	18	17	17	10	7	18	8	10	28
Kedah	21	10	11	21	-	21	21	-	-	-	-	19
Perak	15	9	6	15	-	12	12	-	3	3	-	13
Melaka	11	4	7	11	-	6	6	-	5	5	-	10
Kelantan	11	4	7	11	-	8	8	-	3	3	-	11
Sarawak	6	4	2	6	-	2	2	-	4	4	-	4
Pahang	4	3	1	3	1	4	3	1	-	-	-	3
Terengganu	2	2	-	2	-	1	1	-	1	1	-	2
WP Kuala Lumpur	2	2	-	-	2	1	-	1	1	-	1	1
Jumlah	330	189	141	268	62	237	213	24	93	55	38	264

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 19,378 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 3 September 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	3,613	158	1,956	10	1,489
SARAWAK	2,464	230	1,371	2	861
SABAH	2,404	65	1,393	-	946
JOHOR	2,331	763	983	-	585
PULAU PINANG	1,726	201	514	-	1,011
KEDAH	1,470	9	965	-	496
PERAK	1,389	143	653	-	593
KELANTAN	1,356	71	931	-	354
WP KUALA LUMPUR	740	3	400	-	337
PAHANG	559	106	357	-	96
TERENGGANU	532	14	437	-	81
MELAKA	399	145	155	1	98
NEGERI SEMBILAN	270	24	135	1	110
PERLIS	80	4	38	-	38
WP PUTRAJAYA	41	-	29	-	12
WP LABUAN	4	-	-	-	4
JUMLAH KESELURUHAN	19,378	1,936	10,317	14	7,111

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 3 SEPTEMBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Permas Barat	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	131	573
2	Tapak Bina Lebuh Kota Iskandar	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	92	133
3	Jalan Tembaga Ulu Pulai	Tempat Kerja	Johor	Pontian	57	192
4	Jalan Kulai Kota Tinggi	Tempat Kerja	Johor	Kulai	21	67
5	Jalan Sri Sulong Empat	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	11	78
6	Jalan Padang Lalang Tangkak	Tempat Kerja	Johor	Tangkak	11	22
7	Industri Desa Tropika Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	10	74
8	Kuala Gris	Tempat Kerja	Kelantan	Kuala Krai	29	54
9	Jalan Maju Kota Bharu	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu	15	33
10	Kampung Limau Manis	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu dan Bachok	11	17
11	Industri Batu Dua	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Tampin	26	118
12	Industri Batu Tiga	Tempat Kerja	Pahang	Raub	19	58
13	Jalan Bandar Intan	Tempat Kerja	Perak	Hilir Perak	18	45
14	Tapak Bina Tanjong Pinang	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Timur Laut	85	136

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
15	Industri Jalan Kampung Jawa	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Barat Daya, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	22	316
16	Sawit Gelasah	Tempat Kerja	Sarawak	Subis	27	93
17	Industri Dua Jalan Empat Olak Lempit	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	63	95
18	Tapak Bina Putra Perdana	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	49	115
19	Industri Meranti Perdana	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	47	230
20	Industri Jalan Segenting	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	20	31
21	Kampung Mentera Banggu	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	11	24
22	Kampung Machang Gocoh Hilir	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	8	12
23	Kampung Limau Purut Hilir	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas dan Tanah Merah	7	7
24	Batu Gajah Merlimau	Komuniti	Melaka	Jasin	31	40
25	Kampung Pian	Komuniti	Pahang	Temerloh	24	42
26	Kampung Changkat Belulang	Komuniti	Perak	Kampar	10	37
27	Nanga Tapih	Komuniti	Sarawak	Betong	76	101
28	Kampung Panggil	Komuniti	Sarawak	Sri Aman	69	222
29	Jalan Prima Pelangi	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Kepong dan Lembah Pantai	16	29
30	Lorong Impian Enam	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	12	54

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
31	Batu 30	Kumpulan Berisiko Tinggi	Perak	Kuala Kangsar	24	50
32	Jalan Padi Satu	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Johor Bahru	20	83
33	Jalan Masuri	Pendidikan Tinggi	Sarawak	Sibu	24	36
34	Kampung Banggol Pak Awang	Keagamaan	Kelantan	Machang	13	20

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 2 SEPTEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
SARAWAK	1.20
PERLIS	1.15
JOHOR	1.09
TERENGGANU	1.07
SABAH	1.06
PULAU PINANG	1.05
KEDAH	1.03
KELANTAN	1.03
PERAK	1.01
PAHANG	1.00
WP PUTRAJAYA	0.95
SELANGOR	0.90
MELAKA	0.88
WP KUALA LUMPUR	0.81
NEGERI SEMBILAN	0.81
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.97